



TEKS UCAPAN

**TUAN YANG TERUTAMA TUN DATO' SERI UTAMA
AHMAD FUZI BIN HAJI ABDUL RAZAK
YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG**

**ISTIADAT PENGANUGERAHAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG
DAN PINGAT KEHORMATAN NEGERI**

**SEMPENA
SAMBUTAN ULANG TAHUN TUAN YANG TERUTAMA
YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG KE-75 TAHUN 2024**

**PADA 27 JULAI 2024 (SABTU) JAM 8.45 PAGI
BERTEMPAT DI DEWAN SRI PINANG**

Bismillahirahmanirrahim

YAB Tuan Chow Kon Yeow

Ketua Menteri Pulau Pinang,

YB Dato' Law Choo Kiang

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan

YBhg Datin Teoh Hooi Tuang,

YB Dato' Dr. Mohamad bin Abdul Hamid

Timbalan Ketua Menteri 1, Pulau Pinang dan

YBhg Datin Noraini binti Abd. Jalil,

YB Dato' Haji Rosli bin Isa

Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan

YBhg Datin Norwani binti Muhamad Shariff,

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,

Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri dan Puan Sri- Puan Sri,

Yang Berbahagia Dato' Seri-Dato' Seri dan Datin Seri-Datin Seri,

Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri,

Yang Berbahagia Konsul-Konsul Jeneral dan Konsul-Konsul Kehormat,

Dato'-Dato' dan Datin-Datin,

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya kita semua dianugerahi kesihatan yang baik bagi menghadiri Majlis yang penuh bermakna pada pagi yang mulia ini.
2. Saya juga bersyukur atas nikmat dan kurniaan Allah SWT, kerana sepanjang tempoh saya sebagai Yang di-Pertua Negeri, tiada gambaran atau ungkapan yang dapat dizahirkan tentang peri eloknya lakaran potret keamanan dan kemajuan yang telah dicapai oleh bumi bertuah ini.
3. Sesungguhnya, Allah SWT berkuasa untuk memberikan kuasa mentadbir negeri ini kepada sesiapa sahaja mengikut kehendak-Nya. Justeru itu, kuasa yang diamanahkan harus disertai dengan tekad serta keikhlasan yang tinggi dalam menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

4. Perjuangan ke arah keamanan, kestabilan dan kemakmuran di negeri ini bukan hanya terletak di bahu seseorang individu atau pun pihak tertentu sahaja.

Amanah dan tanggungjawab ini perlu digalas bersama oleh semua pihak, termasuk sektor awam, swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), parti politik dan masyarakat awam keseluruhannya. Hubungan kesalingan ini adalah penting sekali bagi memastikan situasi keamanan, kestabilan dan kemakmuran negeri ini terus terpelihara demi masa depan dan kelangsungan generasi akan datang.

5. Apa yang pasti, hakikat dan aspirasi sedemikian haruslah berpaksikan kepada nilai toleransi dan semangat cintakan negeri. Sekiranya nilai asas ini diperkotak-katikkan oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab, pelbagai provokasi dan sentimen kebencian akan tercetus, yang hanya akan membawa porak-peranda kepada ibu pertiwi ini.

6. Justeru, kepelbagaian bangsa, agama, kaum dan budaya, disulami dengan perbezaan bahasa serta taburan demografi dan generasi pada hari ini perlu diraikan tanpa mewujudkan sebarang jurang perbezaan. Adalah penting bagi semua rakyat negeri ini tidak terpesong dan terpisah dari hidup bersatu. Dalam hal ini adalah juga penting segala program peringkat negeri dilaksanakan dengan mengambil kira sensitiviti kepelbagaian bangsa yang wujud demi keamanan dan kesejahteraan bersama.

7. Memetik kata-kata Bapa Kemeredekaan Negara, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, “Setiap kita harus hormat hak dan perasaan masing-masing, bertolak ansur dengan agama orang lain, adat dan tabiat, kerana menerusi kepelbagaian itu kita boleh mendapat perpaduan yang sebenar”.

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

8. Di kesempatan ini, izinkan saya melafazkan ucapan terima kasih kepada YAB Ketua Menteri atas ucapan ikrar taat setia bagi pihak Kerajaan, anggota perkhidmatan awam dan seluruh rakyat Negeri Pulau Pinang. Sesungguhnya, ikrar tersebut melambangkan hubungan akrab yang sedia wujud, laksana “air dan tebing”, antara institusi Yang di-Pertua Negeri dan Kerajaan Negeri serta rakyat Pulau Pinang amnya.

9. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri dan seluruh rakyat yang sentiasa mendoakan kesejahteraan saya dan Toh Puan dan turut menyampaikan ucapan tahniah sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Rasmi saya ke-75 ini.

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

10. Menyelusuri senario ekonomi global dan konflik geopolitik pada masa kini, saya bersyukur, meskipun berdepan dengan pelbagai cabaran dan ketidaktentuan, Kerajaan Negeri terus komited dan fokus dalam memastikan ekosistem ekonomi negeri ini terus kekal berdiri teguh. Sebagaimana disentuh oleh YAB Ketua Menteri, ekonomi **Negeri Pulau Pinang** telah mencatatkan pertumbuhan nilai KDNK sebanyak **Ringgit Malaysia seratus enam belas bilion (RM116 bilion)** pada tahun 2023 berbanding **Ringgit Malaysia seratus dua belas per puluhan tiga bilion (RM112.3 bilion)** pada tahun sebelumnya dengan **peningkatan sebanyak Ringgit Malaysia tiga per puluhan tujuh bilion (RM3.7 bilion)**. Negeri ini sebenarnya telah berjaya menyumbang sebanyak **tujuh per puluhan empat peratus (7.4%) kepada ekonomi Malaysia**, dengan terus kekal di **kedudukan kelima kuasa ekonomi negara**. Syabas saya ucapkan.

11. Melihat ke hadapan, saya harap potret kecemerlangan ini tidak seharusnya terhenti di sini dan pelbagai usaha pembangunan akan terus dipertingkatkan. Memang benar, mengekalkan kejayaan adalah lebih sukar daripada mencapainya.

Bagi menyemarakkan obor kecemerlangan ini, saya menyokong penuh usaha Kerajaan Negeri dalam **mempelbagaikan aktiviti ekonomi** di negeri ini demi memastikan ekosistem ekonomi Pulau Pinang menjadi lebih **dinamik dan berdaya saing**. Tumpuan sewajarnya patut diberi bagi **mewujudkan ruang pasaran yang lebih besar**, yang secara tidak langsung akan dapat membantu memaksimumkan potensi ekonomi serta meningkatkan pertumbuhan KDNK negeri ini. Lantas itu, saya menyeru agar semua program dan projek yang sedang dirancang atau bakal dilaksanakan mengambil kira, bukan saja dasar semasa malah **rekayasa yang diperlukan, bersesuaian dengan cabaran ekonomi dunia yang dialami pada masa kini**.

12. Dalam hal ini, dan sebagai usaha mengekalkan kelebihan ekonomi yang dikecapi selama ini, adalah wajar pertimbangan diberikan bagi melaksanakan **projek-projek bersifat “game changer”** melalui kaedah ***Private Fund Initiative (PFI)***. Ini termasuk projek-projek berimpak tinggi yang dapat mengubah landskap ekonomi negeri ini termasuk membangun daerah-daerah di Seberang Prai khususnya yang agak terbelakang dari segi pembangunan, agar limpahan nikmat ekonomi dapat disamaratakan.

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

13. Sebagaimana kita sedia maklum, hasil negeri ini secara amnya adalah berkisar dari sumber tanah sama ada melalui cukai atau hasil penjualan. Sumber serta hasil yang terhad ini tentunya tidak mapan untuk jangka masa panjang, lebih-lebih lagi dengan kos pengurusan dan pembangunan yang meningkat saban tahun. Justeru, saya menyeru agar **syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) yang sedia wujud di negeri ini berubah norma dan mengorak langkah mengintai peluang-peluang pelaburan berpulangan tinggi di negeri lain. GLC lain yang kini bersifat ‘cost centers’ pula boleh merangka strategi perniagaan di bawah portfolio masing-masing untuk menjadi ‘profit centres’ dengan berdikari tanpa dana Kerajaan Negeri.**

14. Seterusnya, bagi menyemarakkan lagi sektor pembangunan dan menambahbaik kualiti hidup penduduk yang terlibat, saya juga ingin menyeru agar Kerajaan Negeri dan agensi-agensi berkenaan membangun kawasan-kawasan yang berpotensi **termasuk tanah-tanah wakaf di Kampung Dodol dan Kampung Makam** yang strategik lokasinya di tengah-tengah bandaraya.

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

15. Kesungguhan hasrat membina negeri ini perlu berlandaskan kepada minda dan hati yang terbuka, diperkuuhkan dengan **keikhlasan dan toleransi demi untuk mencapai penyatuan**. Malah, kunci kepada keharmonian dan perpaduan negara ini jelas terpahat melalui prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara.

16. Dalam hal ini dan bagi menjamin kelangsungan “Negeri Kita” yang berdaulat, aman, makmur dan sejahtera, saya ingin mengajak semua pihak untuk **menghayati empat (4) teras penting seperti berikut:**

i. Pertama ialah kesetian kepada Raja dan Negara.

Kesetiaan kepada raja jelas dinyatakan di bawah Perkara 181 (1), Perlembagaan Persekutuan, yang menjamin kedaulatan dan kuasa raja di negara ini. Sesungguhnya, penekanan terhadap elemen ini adalah penting dalam melahirkan identiti nasional serta warganegara Malaysia yang **bersedia mempertahankan kedaulatan negara yang dipayungi oleh institusi diraja**.

- ii. Kedua ialah kebanggaan terhadap warisan negara bangsa.

“Negeri Kita” mempunyai susur galur warisan budaya yang kaya dan tersendiri sehingga George Town diiktiraf sebagai sebuah Tapak Warisan Dunia UNESCO. Menyedari hakikat ini, langkah dan usaha untuk memelihara warisan budaya negeri harus dilipatgandakan, demi mengekalkan keaslian serta daya tarikannya, di samping menyumbang ke arah pembentukan **identiti Negeri Pulau Pinang di persada antarabangsa**;

Sesungguhnya, sejarah mendewaskan kita dan **sebagai anak watan, adalah wajar bagi kita tidak mengosongkan jiwa dengan menjadi rakyat yang “buta sejarah”**.

- iii. Ketiga ialah bersatu hati ke arah pencapaian Visi Penang2030.

Kita bersyukur, rangka kerja strategik Visi Penang2030 telah berjaya memastikan segala perancangan dilaksanakan secara seimbang serta berhemah dengan fokus untuk menjadi Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah Negeri Pintar dan Hijau, Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara;

Apa yang pasti, meskipun dunia ini dicengkam dengan ketidaktentuan ekonomi, **Visi Penang2030 seharusnya direalisasikan dengan sokongan dan penyatuan daripada semua warga negeri;**

Saya juga berharap, barisan pentadbiran kerajaan pada hari ini akan terus proaktif dalam memacu negeri ini ke arah masa depan yang lebih cemerlang. **Kepada semua penjawat awam, ingatlah bahawa kalian merupakan penjaga dasar awam negeri bagi melaksanakan tugas yang telah diamanahkan dengan penuh dedikasi dan berintegriti demi kesejahteraan dan kemakmuran negeri ini.**

- iv. Keempat ialah menghormati kedaulatan undang-undang demi kesejahteraan bersama.

Kedaulatan undang-undang merujuk kepada kepatuhan terhadap autoriti perundangan yang paling tinggi, iaitu Perlembagaan Negara;

Perlembagaan dan undang-undang negara ini memberikan kebebasan asasi kepada setiap warganegara, namun kebebasan ini tidak bermakna bebas untuk melakukan apa sahaja;

Perkara 149, Perlembagaan Persekutuan dengan jelas menyebut mengenai undang-undang menentang perbuatan subversif, tindakan yang memudaratkan ketenteraman awam dan sebagainya. Prinsip kedaulatan undang-undang ini turut digariskan dalam Rukun Negara yang keempat, yang membawa pengertian, keadilan diasaskan atas kedaulatan undang-undang di mana setiap rakyat adalah sama tarafnya di sisi undang-undang negara;

Tidak disangkal, sifat menjunjung **kedaulatan undang-undang dapat memupuk semangat patriotisme dan perpaduan nasional**, khususnya dalam kalangan rakyat di negeri ini. Apabila kedaulatan undang-undang dikuatkuasakan secara adil dan konsisten, akan timbulah keyakinan rakyat terhadap **sistem perundangan itu sendiri serta pihak yang menguatkuasakannya**.

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

17. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada semua penerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri sempena Hari Ulang Tahun saya yang ke-75. Semoga kurniaan anugerah ini tidak hanya dijadikan sebagai perhiasan diri, tetapi berjaya menyuntik semangat dan inspirasi kepada anda semua untuk terus menyumbang khidmat bakti yang tertinggi kepada negara, khususnya Negeri Pulau Pinang.

18. Sayugia diingatkan, anugerah yang dikurniakan adalah bagi menghargai jasa dan pengorbanan yang dicurahkan dengan harapan ianya dapat menetapkan teladan yang baik kepada masyarakat seluruhnya. Semoga semua penerima pada hari ini akan terus menabur bakti, menjulang integriti, bersemangat waja dan bertatasusila demi keamanan dan kemakmuran Negeri Pulau Pinang yang tercinta.

19. Akhir kata, sekali lagi saya berdoa agar Negeri Pulau Pinang sentiasa berada dalam keadaan aman, makmur dan sejahtera sepanjang masa, dilindungi Ilahi daripada segala keburukan dan keaiban, malapetaka dan bencana alam, dihindarkan daripada segala rupa bentuk kemungkaran dan kemaksiatan serta diberkati dengan keredaan Allah SWT. Amin, Ya Rabbal Alamin.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik walhidayah,

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.